



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

SEMINAR TRIPARTITE 2024

“Greater TVET Future Talent, Facing the Changing World of Work”

1. Pendidikan dan Latihan Tenikal dan Vokasional (TVET) dikenal pasti sebagai salah satu daripada 14 pemacu perubahan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). TVET berperanan penting dalam menyediakan tenaga kerja mahir yang memerlukan kemahiran spesifik dan berupaya menjana pendapatan tinggi. Hal ini penting kerana Kerajaan berhasrat untuk mencapai sasaran 35% tenaga kerja mahir menjelang 2030.
2. Program Seminar Tripartite pada hari ini adalah salah satu inisiatif untuk merealisasikan hasrat Kerajaan bagi memastikan bakat masa depan berkemahiran yang dihasilkan melalui Latihan dan Pendidikan TVET adalah relevan dengan pekerjaan semasa, masa hadapan dan berpendapatan tinggi. Platform ini mempertemukan wakil industri dan Institusi Latihan dan Pendidikan TVET untuk berkongsi pandangan serta aspirasi, demi masa depan latihan TVET yang lebih komprehensif dan memenuhi kehendak kedua-dua belah pihak. Konsep Tripartisme yang digunakan adalah selaras dengan nilai-nilai Malaysia Madani dalam penajaran inisiatif-inisiatif baru Kementerian bagi tahun 2024 untuk menghasilkan dasar yang lebih kolektif, inklusif dan partisipatif; seterusnya memberi manfaat baik kepada semua pemengang-pemengang taruh Kementerian.
3. Pelaksanaan Seminar Tripartite 2024 kali ini adalah bertujuan untuk memahami cabaran yang dihadapi oleh pemegang taruh JPK dalam menghadapi peralihan dunia pekerjaan yang seterusnya akan menyebabkan perubahan terhadap teknologi, kemahiran dan pekerjaan sedia ada.

4. Badan Peneraju Industri atau *Industry Lead Body*-ILB JPK merupakan agensi lantikan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia yang telah dilancarkan sejak tahun 2008 dibawah Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kebangsaan 2008 - 2020 bagi menerajui sesuatu bidang (disiplin industri) bertujuan memangkin pembangunan sumber manusia mahir melalui Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Kini, terdapat 27 ILB yang bergiat aktif selaku rakan strategik JPK. Pihak industri digesa agar terus berkolaborasi bersama ILB JPK dalam memperkasakan peranannya sebagai tempat rujukan utama bagi pensijilan tenaga mahir negara.
5. Situasi dunia masakini berdepan dengan pelbagai perubahan global dari pelbagai faktor termasuklah pertambahan penduduk dunia, pembangunan pesat, penebangan hutan dan pencemaran alam sekitar yang menyebabkan perubahan iklim, bukan sahaja memerlukan perubahan sistemik yang memberi kesan terhadap kewujudan produk dan perkhidmatan baru, tetapi juga perubahan terhadap proses penghasilannya dan model busines baru. Memang tidak dapat dielakkan, perubahan-perubahan global ini akan menyebabkan perubahan terhadap teknologi, kemahiran dan pekerjaan sedia ada.
6. *ASEAN Declaration on Human Resource Developement for Changing World of Work and Its Roadmap*, negara anggotanya termasuklah Malaysia dalam ASEAN TVET Council (ATC), komited untuk melaksanakan pelbagai tindakan dengan mengambilira kapasiti dan sumber tenaga mahir TVET sedia ada, terutamanya bagi memastikan ketersediaan sumber manusia mencukupi dalam menghadapi perubahan dunia pekerjaan.
7. Lima (5) bidang utama yang dipilih bagi Seminar Tripartite 2024 untuk perbincangan *Luncheon-Talk* telah dipastikan selari dengan halatuju semasa negara merujuk kepada garis panduan terkini seperti *New Industrial Master Plan (NIMP) 2030*, *National Energy Transition Roadmap (NETR) 2050*, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan *Sustainable Development Goals (SDG)*. Input daripada Kajian-Kajian Penawaran dan Permintaan pekerjaan dalam sektor TVET bagi bidang berkaitan Cyber Security Malaysia (CSM), Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC) dan Malaysia Green Technology Corporation (MGTC) yang

dilaksanakan bersama-sama dengan ILB JPK daripada tahun 2022 hingga 2023 turut diambil kira bagi pelaksanaan Seminar.

8. Lima (5) bidang utama yang telah dikenalpasti mempunyai potensi pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan yang tinggi (*High Growth, High Value - HGHV*) dipilih untuk dijadikan sebagai tema utama, dan akan dipadankan dengan kriteria tertentu pemegang-pemegang taruh JPK bagi pelaksanaan Seminar pada kali ini, seperti;
 - a. Industri Asas Tani dan Hospitaliti;
 - b. Industri Nadir Bumi;
 - c. Industri Berasaskan Peralihan Tenaga;
 - d. Industri Elektrik dan Elektronik Bernilai Tinggi; dan
 - e. Industri Berasakan Teknologi dan Digital.
9. Strategi-strategi baru dalam mendepani dan mengadaptasi perubahan dunia pekerjaan bagi pemegang-pemegang taruh JPK akan dirangka berdasarkan dapatan Seminar Tripartite 2024, bagi memastikan bakat masa depan berkemahiran yang dihasilkan melalui Latihan dan Pendidikan TVET kekal relevan.
10. Pihak industri digesa agar menjadi rakan kongsi strategik Kementerian dengan turut mempromosikan TVET, seperti menonjolkan peluang kerjaya dalam sektor industri masing-masing, mengiktiraf Pensijilan Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai salah satu keperluan kemasukan kerjaya dan menggalakkan sinergi perkongsian kepakaran dan peralatan lestari melalui kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

**MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
5 MAC 2024**